

Dagang Net Technologies sumbang pakaian sekolah

KOTA BHARU 19 Dis. - Seramai 46 anak yatim dan 19 ibu tunggal dari Kelantan serta Terengganu menerima sumbangan pakaian sekolah daripada Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. dengan kerjasama Badan Kebajikan Islam Kastam

(Bakiska) di sini hari ini. Dagang Net yang beroperasi di Kuala Lumpur memperuntukkan RM18,000 untuk diagihkan kepada anak yatim dan balu kepada anggota Kastam untuk membeli keperluan dan peralatan sekolah anak masing-masing. ZAHARI Azar Zainuddin (kanan) bersama kakitangan Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. membantu anak yatim mencuba pakaian sekolah di Kota Bharu, semalam.

Pengarah Dagang Net Technologies Sdn. Bhd., Zahari Azar Zainuddin berkata, program ini merupakan acara tahunan Dagang Net bersama Bakiska bermula tahun lepas.

Beliau berkata, sebagai sebuah syarikat milik kerajaan (GLC), mereka sentiasa prihatin terhadap semua anak yatim dan balu kakitangan kastam. "Kita menyahut saranan kerajaan agar syarikat GLC menjalankan tanggungjawab sosial di dalam dan luar organisasi bagi mencerminkan nilai universal bertanggungjawab, ikhlas dan telus.

"Hasil keuntungan yang diperoleh syarikat, kita sama-sama berkongsi,"katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membeli peralatan persekolahan 46 anak yatim dan keperluan 19 ibu tunggal di pasar raya KB Mall di sini hari ini.

Beliau berharap sumbangan itu dapat meringankan beban keluarga anak yatim dan ibu tunggal dalam memulakan penggal persekolahan 2009 selain mengeratkan hubungan silaturahim antara Dagang Net dan KDRM khususnya.

"Saya berharap semua yang diraikan hari ini memberi perhatian kepada kecemerlangan akademik bermula dari sekolah rendah sehingga mendapat sekurang-kurangnya segulung ijazah dari mana-mana institusi di dalam mahupun di luar negara. "Kita juga mahu anak yatim meningkatkan tahap disiplin dan menjauhkan diri daripada terjebak dengan gejala sosial yang boleh merosakkan masa depan,"katanya.